



# Berita PKINK

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

بریدانق کما جوانا فضای نگاری کلنٹن

BIL. 3/2003

Julai - September 2003

Edaran Percuma



**M**enyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang terbaik kepada rakyat adalah satu tanggungjawab yang sentiasa dilutut. Pembinaan Hospital Pakar Perdana Kota Bharu hasil usahasamaan antara PKINK dan KPJ Healthcare Berhad merupakan komitmen padu antara kedua-dua belah pihak. Mewujudkan pembinaan pada pertengahan tahun 1999, Hospital Pakar Perdana telah disiapkan sepenuhnya dalam tempoh dua tahun. Menyediakan kemudahan perubatan terkini dan dilengkapi dengan teknologi rawatan dan klinikal yang berkualiti, Hospital Pakar Perdana telah mula beroperasi pada 28 Disember 2001.

Pada 28 Jamadil Awal 1424 bersamaan dengan 28 Julai 2003, KDYMM Al-Sultan Kelantan dan DYMM Raja Perempuan Kelantan telah berangkat mencemar duli dan menyempurnakan majlis perasmian hospital pakar tersebut. Hadir sama di majlis itu ialah YAB, Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz b. Nik Mat, Menteri Besar Kelantan, YB Dato' Hj. Abdul Halim b. Hj. Ab. Rahman, Timbalan Menteri Besar Kelantan, YBM Dato' Tengku Shah Budin b. Tengku Mohd Maasum, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, YABhg. Tan Sri Dato' Mohamad Ali Hashim, Ketua Eksekutif Johor

## KDYMM AL-SULTAN KELANTAN MERASMIKAN HOSPITAL PAKAR PERDANA



Corporation, YABrs. Tuan Hj. Hanifa Ahmad, Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Ahli-Ahli Exco Kerajaan Negeri Kelantan, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli-Ahli Dewan Rakyat, Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri serta dif-dif jemputan.

YAB. Dato' Menteri Besar Kelantan merangkap Pengurus Kumpulan PKINK telah merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada pihak KPJ yang sudi melabur dan membawa perkhidmatan perubatan pakar ke negeri ini. Beliau turul menerah harapan yang tinggi agar kerjasama erat diantara PKINK dan Johor Corporation akan berterusan di masa-masa yang akan datang tentarmanya kerjasama yang akan meningkatkan kesejahteraan kepada seluruh rakyat Negeri Kelantan.

YABhg. Tan Sri semasa berucap di majlis tersebut berkata, selain daripada memiliki rangkaian hospital pakar diseluruh negara, KPJ Healthcare turut mengendalikan Klinik An-Nur iaitu klinik wakaf yang menyediakan kemudahan rawatan kepada golongan miskin dan kurang berkemampuan. Buat permulaannya, Klinik An-Nur telah memulakan operasi di negeri Johor dengan kerjasama Majlis Agama Islam Johor dan akan diperluaskan ke Negeri Selangor dan Negeri Sembilan. Beliau berharap perkhidmatan tersebut akan dapat dipertuaskan ke lain-lain negeri termasuk Negeri Kelantan.

Kemuncak majlis tersebut ialah upacara perasmian yang telah disempurnakan oleh KDYMM Al-Sultan Kelantan dengan menekan butang khas serta menandatangani plak perasmian disaksikan oleh dif-dif jemputan yang hadir.

Sesungguhnya pembinaan dan perasmian Hospital Pakar Perdana Kota Bharu bukanlah sekadar penambahan mercutanda kerana sekaligus lanya merupakan peningkatan tahap perkhidmatan dan penjagaan kesihatan yang menjadi hak rakyat Kelantan untuk menikmatinya secara saksama.



# SIDANG EDITOR

## Dari Editor

### Penaung

Ybrs. Tuan Hj. Hanifa Ahmad

### Ketua Editor

Ybrs. Tuan Hj. Wan Adnan Wan Ab. Kadir

### Editor

Ybhg. Datin Hjh. Norsiah Musa

### Penolong Editor

En. Ahmad Hilmii Mohd Nawawi

Pn. Ahlaami Hj. Ab. Halim

Pn. Nik Farzimar Nik Omar

En. Ramli Hamzah

En. Wan Azizan Wan Yaakub

YM. Tengku Petra Tengku Wook

En. Rosdi Said

### Jurufoto

En. Mohd Ghazali Mahmood

Bentuk PKINK diterbitkan oleh:

### BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan  
Tingkat B-11, Bangunan PKINK  
Jalan Tengku Mahsuri  
Peti Surat 142  
15710 Kota Bharu,  
KELANTAN.

Rekabentuk dan cetakan oleh :

DIAN DARULNAIM SDN. BHD.  
5315 A, Jalan Sultan Yahya Petra  
Peti Surat 150  
15710 Kota Bharu  
KELANTAN.

Fokus Buletin PKINK pada kali ini adalah mengenai Disiplin Dalam Perkhidmatan Awam.

Untuk mencapai matlamat bagi meninggikan daya pengeluaran dan meningkatkan mutu kerja dalam sektor awam, syarat utama yang mesti dipenuhi terlebih dahulu ialah anggota-anggota perkhidmatan awam perlu mempunyai sifat-sifat yang bersih, cekap dan amanah. Faktor yang menjadi asas penerapan sifat-sifat tersebut ialah melalui pendidikan agama secara berterusan dan mengaplikasikan pendidikan agama tersebut di dalam kerja sehari-hari kita.

Secara umum, tatatertib atau disiplin ialah peraturan-peraturan yang dipersetujui oleh sesuatu kumpulan atau organisasi bagi mewujudkan suasana yang aman tenteram dan menjamin keharmonian ahli-ahlinya. Disiplin juga adalah cara berfikir yang teratur yang melahirkan sifat rasional, keyakinan diri dan ketabahan hati seseorang. Ia juga ada kaitan dengan tatasusila, keadilan, akhlak dan kesopanan. Ini bermakna orang yang berdisiplin bukan sahaja mematuhi pelaksanaan yang dikehendaki oleh masyarakat tetapi juga menganut perlakuan yang diingini oleh masyarakat walaupun ia menyedari bahawa tidak menganutnya bukanlah satu kesalahan yang boleh dikenakan denda atau hukuman. Contoh jenis perlakuan yang diharapkan oleh masyarakat ialah seseorang individu menepati waktu, berinisiatif, rajin, bersedia membantu orang dalam kesusahan, berdisiplin dan menghormati orang lain.

Disiplin adalah perlu bagi sesuatu organisasi itu mencapai kestabilan dan objektif-objektif yang telah ditetapkan. Dalam perkhidmatan awam, peraturan-peraturan mengenai tatatertib adalah merupakan satu 'alat kawalan' bagi mewujudkan pentadbiran yang boleh mendapat kepercayaan ramai dan memenuhi tugas dan tanggungjawab rakyat dengan adil dan saksama. Tatatertib atau disiplin adalah asas utama bagi membentuk negara yang teguh, berdaulat dan mulia.

Akhirnya, Tatatertib dalam Perkhidmatan Awam seperlimana dalam Perintah Am Bab 'D' mengandungi peraturan-peraturan tentang tata kelakuan yang 'dibolehkan' dan 'yang dilarang'. Anggota-anggota perkhidmatan awam dianggap tahu tentang semua larangan tersebut dan sesiapa yang melanggar akan dikenakan tindakan tatatertib. Tindakan tatatertib adalah merupakan langkah-langkah yang terakhir bagi menghukum mereka yang didapati melanggar peraturan-peraturan yang berkenaan dengan tujuan untuk memperbaiki gerak lakunya dan dalam masa yang sama juga dapat dijadikan pedoman atau panduan bagi yang lain-lain di masa hadapan.

(Salam Editor).

## LAWATAN KERJA YAB. TUAN GURU DATO' MENTERI BESAR KE MURNI HATCHERY.



YAB. Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz b. Nik Mat, Menteri Besar Kelantan telah mengadakan lawatan kerja ke Ladang Penetasan Ayam Murni Hatchery (MHSB) di Machang pada 24 Rabiul Awal 1424 bersamaan 26 Mei 2003. Lawatan ini bertujuan untuk meninjau perjalanan operasi reban ayam baka sistem tertutup (Close House System), satu sistem pemeliharaan ayam baka yang terbukti mampu meningkatkan produktiviti dan kualiti. Hadir sama di majlis taklimat sempena lawatan tersebut ialah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan laju YB. Dato' Hj. Omar b. Mohammad, YB. Tuan Hj. Hassan b. Mohammad, YAbns. Tuan Hj. Hanifa b. Ahmad, Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Tuan Hj. Mohd. Suhaimi b. Husin, Pengurus dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah MHSB serta pegawai-pejawat PKINK. En. Mohd. Hasni b. Mohd. Ali selaku Pengurus Besar MHSB telah menyampaikan taklimat mengenai penubuhan dan aktiviti-aktiviti syarikat. Menyusul selepas itu ialah taklimat berkenaan operasi harian di ladang yang telah disampaikan oleh YM Raja Ghazali b. Raja Abdul Rahman, Juruperunding Petawat.

MHSB diperbadankan pada Jun 1995 dengan modal berbayar RM 737,002.00 untuk menjalankan projek pemeliharaan ayam baka dan penetasan anak ayam di kawasan seluas 80 ekar di Kg. Bechah Kemuning, Machang.

- a) Sejumlah RM 4.5 juta dilaburkan dalam projek ini yang melibatkan pembinaan pusat penetasan ayam, 8 buah reban ayam (40' x 40'), bangunan pejabat, bangunan penetasan anak ayam, bangunan surau, kantin, stor, rumah pekerja dan rumah spray.
- b) Setakat ini ladang tersebut telah mengeluarkan sejumlah 15,060 ekor anak ayam. Projek ini telah memberi pekerjaan kepada seramai 40 orang penduduk setempat.
- c) Pada pertengahan tahun 2002 syarikat telah melaburkan RM 600,000 untuk kerja-kerja pengubahsuaian 4 buah reban terbuka yang sedia ada kepada reban sistem tertutup yang akan meningkatkan kadar pengeluaran DOC daripada 270,000 ekor kepada 340,000 ekor sebulan.

Adalah diharapkan kemajuan MHSB dapat memberi sumbangan ke atas hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan Negeri Kelantan sebagai Negeri Jelapang Makana Negara.



## LAWATAN KERJA JAWATANKUASA PERDAGANGAN, PERINDUSTRIAN, PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KESIHATAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN KE PKINK.



Pada 1 Jamadil Akhir 1424 bersamaan dengan 30 Julai 2003, YB. Dr. Nik Mazlan bin. Nik Mohamed, Pengurus Jawatankuasa Perdagangan, Perindustrian, Pembangunan Usahawan dan Kesihatan Negeri Kelantan telah melakukan lawatan kerja ke PKINK. Sebagai jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam merangka dasar-dasar, perlaksanaan strategi dan pencapaian matlamat sektor perdagangan, perindustrian, pembangunan usahawan dan kesihatan bagi Negeri Kelantan, lawatan kerja ini merupakan platform untuk memahami peranan dan fungsi agensi-agensi kerajaan yang terbabit. Disertai seramai 30 orang ahli, rombongan YB. Pengurus telah mengikuti taklimat yang disampaikan oleh Ybrs. Ketua Eksekutif Kumpulan

PKINK. Taklimat ini telah memfokuskan program-program yang telah dirancang oleh PKINK bagi Pembangunan Kawasan Industri, Pembangunan Usahawan dan Pembangunan Bandar Perikanan Tok Ball. Memanfaatkan lawatan tersebut, Ybrs. Tuan Hj. Abdul Aziz b. Abdul Rahman, Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Kota Bharu turut menyampaikan taklimat mengenai hal-hal yang berkaitan. Menyusul selepas taklimat tersebut ialah sesi dialog yang sedikit sebanyak telah dapat meleralkan beberapa kemosyikilan ahli-ahli rombongan.



## SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN KE 46

KAMI BERSYUKUR DAN BERBANGGA SEBAGAI  
WARGA MALAYSIA



Negara kita Malaysia telah merayakan Ulangtahun Kemerdekaan Ke 46 pada tahun ini. Perayaan Bulan Kemerdekaan telah diadakan selama sebulan bermula dari 16 Ogos hingga 17 September 2003. Pelbagai acara menarik telah disusun dan dilaksanakan di peringkat kebangsaan dan di peringkat negeri. Ianya merangkumi Majlis Tahlil, Solat Hajat dan persempahan kebudayaan.

31 Ogos bukannya tarikh keramat namun ianya tetap segar dilipat sejarah. Pada 31 Ogos 1957 bendera Union Jack telah diturunkan dan digantikan dengan Bendera Malaysia. Bermula dari tarikh itu, tamatlah penjajahan dan negara kita tercatat sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Kini, Jalur Gemilang nama rasmi bagi bendera negara kita megah berkibar di segenap pelusuk negara. Ianya melambangkan semangat dan kecintaan pada negara yang sentiasa subur di kalangan warga Malaysia tanpa mengira agama, keturunan dan budaya.

Kemuncak bagi sambutan hari yang amat bersejarah ini ialah Perhimpunan dan Perbarisan Hari Kebangsaan yang diadakan serentak di seluruh negara. Di peringkat negeri Kelantan, sebanyak 105 kontinjen mewakili jabatan persekutuan, jabatan negeri, badan-badan berkanun, syarikat swasta, pasukan beruniform, pelajar sekolah dan pertubuhan sukarela membabitkan lebih 3,000 orang peserta telah menyertai perbarisan pada tahun ini. Ribuan rakyat dari semua peringkat dan lapisan telah berbaris di sepanjang jaluan bukan sekadar untuk memeriahkan suasana tetapi turut menghayati erti



kemerdekaan yang telah dicapai dan dinikmati secara saksama. Kumpulan PKINK telah menghantar kontinjen dengan keanggotaan seramai 25 orang dalam perbarisan tersebut. Kepenatan berbaris sejauh hampir 3 kilometer tidak begitu terasa lantaran disimbali warna-warna gemilang pakaian para peserta yang bukan sekadar melambangkan kebebasan yang penuh ceria tetapi sekali gus menonjolkan imej agensi yang diwakili.

Mengakhiri perbarisan pada kali ini ialah penyampaian cenderahati kepada semua kontinjen yang mengambil bahagian yang telah disempurnakan oleh YB, Dato' Timbalan Menteri Besar. Ianya disusuli dengan penyampaian hadiah kepada kontinjen yang menang dan telah disempurnakan oleh YAB, Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan. Acara berakhir kira-kira jam 11.00 pagi.

\*\*\*Syukurillah nikmat kemerdekaan ini, semoga taufik dan hidayat Allah akan berterusan juu\*\*\*



## GOTONG ROYONG KEBANGSAAN 2003

Kempen Bulan Kemerdekaan Malaysia 2003 telah dilancarkan serentak di seluruh negara pada 19 Jamadil Akhir 1424 bersamaan dengan 17 Ogos 2003. Salah satu pengisian kempen bulan kemerdekaan tersebut adalah program Gotong Royong Kebangsaan 2003. Bagi menjayakan program tersebut, anggota PKINK telah turun padang, berganding bahu dengan rakan-rakan daripada lain-lain agensi dan pertubuhan. Untuk tahun ini anggota PKINK telah diberikan Kawasan Perindustrian



### Pengkalan

Chepa. Program yang bermula pada jam 8.00 pagi telah berakhir kira-kira jam 12.00 tengahari. Sesekali turun padang ni seronok juga kerana dapat bertemu dan berkenalan dengan anggota dari jabatan lain. Rasa insaf juga timbul apabila memikirkan betapa penatnya petugas-petugas Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bekerja untuk mengekalkan kebersihan persekitaran.

\*\*\*Negara bersih....rakyat sihat\*\*\*

## SEMINAR MOTIVASI KEUSAHAANAN PUM 2003 BAGI SEKOLAH-SEKOLAH YAYASAN ISLAM KELANTAN

Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK selaku sekretariat PUM Kelantan telah mengadakan Seminar Motivasi Keusahawanan khusus untuk para pelajar yang terdiri dari ahli-ahli syarikat PUM bagi sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan. Seminar ini telah diadakan pada 12 Ogos 2003 bertempat di Dewan Duyung Perdana Resort. Seminar ini telah disertai oleh lebih kurang 300 orang pelajar dari 14 buah sekolah Yayasan Islam Kelantan.

Program seminar ini diadakan bertujuan bagi memberikan input serta berkongsi pengalaman dan bertukar-tukar idea dengan sekolah-sekolah yang pernah aktif dalam melaksanakan PUM. Di samping itu, salah satu pengisian dalam seminar tersebut ialah slot bersama usahawan berjaya yang bertujuan untuk memberi pendedahan dan semangat daya juang serta daya saing kepada para pelajar dalam menggerakkan syarikat Usahawan Muda di sekolah-sekolah.



Pihak sekretariat berharap seminar tersebut dapat melahirkan satu natijah yang baik di mana fikiran para pelajar dapat diterapkan dengan budaya keusahawanan dan bidang perniagaan yang seterusnya dapat menanam dalam diri mereka bahawa bidang tersebut mempunyai prospek yang cerah terutama dari segi kerjaya dan profesion pada masa hadapan kelak. Selain itu juga, para pelajar dari 14 buah sekolah tersebut dapat mewujudkan satu jalinan rangkaian perniagaan atau networking antara mereka dalam memaju dan memastikan kejayaan PUM di sekolah.

Program seminar tersebut telah mendapat kerjasama baik dari usahawan jemputan dari Dewan Muda Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Kelantan. Mereka telah dijemput untuk memberi pengisian dalam slot Pengalaman Bersama Usahawan. Mereka ialah En Wan Roshdi b. Mat Rasik, Pengarah Urusan Bumi Supply Sdn Bhd dan En Nuri Bakhtiar Shah b. Idris, Pengurus Makhabaz al-Amin Food and Industries Sdn Bhd. Melalui slot tersebut, para pelajar telah berpeluang untuk berkongsi



pengalaman dengan usahawan secara langsung mengenai kaedah mengurus sesebuah perniagaan dengan baik dan berjaya.

Selain itu, para pelajar juga telah mengikuti ceramah yang menyentuh berkenaan dengan cara-cara bagaimana menjadi syarikat PUM yang berjaya pada sebelah pagi.

Seminar separuh hari tersebut berakhir dengan majlis penutup yang telah disempurnakan oleh YABrs Tuan Hj Mohd Mansor b. Hj Daud, Ketua Penolong Pengarah Yayasan Islam Kelantan.

## PKINK MENYERTAI SHOWCASE USAHAWAN 2003



Showcase Usahawan 2003 anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan merupakan program tahunan di mana Showcase Usahawan yang pertama telah diadakan pada tahun 2002. Showcase ini yang bertempat di Dewan Tun Razak 4, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Ianya telah berlangsung selama 5 hari bermula dari 26 hingga 30 Ogos 2003. Ianya bertujuan untuk menyediakan ruang dan peluang kepada usahawan Bumiputera untuk mempromosi serta memasarkan produk dan perkhidmatan mereka terus kepada pengguna.

Antara fokus utama pengajuran Showcase Usahawan 2003 adalah sebagai satu platform dan kemudahan laluan pasaran produk-produk usahawan bagi melaikkan penjualan produk-produk tersebut. Selain itu, Showcase ini diharap dapat mewujudkan jaringan pasaran yang lebih berkualiti serta mempertingkatkan lagi daya saing produk usahawan melalui persaingan dan akhirnya menjadi tempat rujukan dan bimbingan kepada para usahawan kecil & sederhana.

PKINK yang diberi tanggungjawab sebagai agensi pelaksana program pembangunan usahawan bagi negeri Kelantan telah mengambil inisiatif bagi membantu memasarkan dan memperkenalkan produk-produk makanan dan minuman IKS yang berpotensi seperti jus asam jawa, karipap segera, keropok serta produk sejuk beku. Produk-produk keluaran Mumu Marketing Sdn. Bhd. iaitu salah sebuah syarikat dalam Kumpulan PKINK juga turut dipromosikan.

Sepanjang showcase tersebut, terdapat beberapa pelanggan korporat yang telah menunjukkan minat bagi mendapatkan produk-produk tertentu dalam skala yang besar. InsyaAllah, hasil penyertaan dalam showcase ini akan dapat membantu mewujudkan pasaran yang lebih luas kepada usahawan-usahawan kecil yang sememangnya tidak mampu untuk menampung perbelanjaan bagi menyertainya secara bersendirian.



# MENJANA KECEMERLANGAN ANGGOTA

Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang diperkenalkan oleh kerajaan bagi menggantikan Sistem Saraan Baru (SSB) telah menetapkan bahawa salah satu kriteria bagi menilai dan menentukan kecemerlangan seseorang penjawat awam adalah lulus dalam Peperiksaan Tahap Kecekapan (PTK). Memandangkan peperiksaan tersebut baru diperkenalkan dalam tahun ini, tentulah ianya agak sukar untuk ditempuhi oleh anggota terbabit. PKINK sebagai salah sebuah agensi yang terbabit dengan sistem dan peperiksaan tersebut sememangnya peka dengan kesulitan yang bakal dihadapi oleh anggotanya. Dalam konteks untuk merangsang dan



menjana kejayaan dikalangan anggota yang akan menduduki peperiksaan kecekapan tersebut, para pegawai dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia yang telah pun mengikuti kursus-kursus yang berkaitan telah tampil memainkan peranan yang sewajarnya. Beberapa siri taklimat telah diadakan sebagai pengenalan dan pendedahan langsung kepada anggota terbabit merangkumi skop peperiksaan, bahan-bahan rujukan, kefahaman serta teknik menjawab dan memilih jawapan yang lebih tepat. Selebihnya adalah terserah kepada minat dan usaha mereka sendiri.

\*\*\*Selamat menduduki peperiksaan, semoga sukses selalu\*\*\*

## KURSUS PERKHIDMATAN PELANGGAN YANG BERKUALITI

Perkhidmatan dan pelanggan merupakan satu hubungan atau ikatan yang saling memerlukan antara satu sama lain. Menyedari hakikat tersebut, Unit Perhubungan Korporat & Latihan telah mengambil inisiatif menganjurkan Kursus Perkhidmatan Pelanggan Yang Berkualiti. Kursus tersebut telah dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan pertama pada 10 Ogos 2003 dan kumpulan kedua pada 17 Ogos 2003. Bertempat di Bilik Operasi Tingkat 10, kursus kali ini telah membabitkan seramai 62 orang peserta terdiri daripada Kumpulan Sokongan C & D. Penceramah dari Universiti Teknologi MARA Prof. Madya Mohd. Nasir bin Muda telah berjaya memberi tunjuk ajar dan berkongsi pengalaman dengan para peserta yang hadir.

Dalam kursus ini para peserta telah diberi penekanan dan pendedahan kepada tajuk-tajuk penting dalam Pengurusan Perkhidmatan Yang Berkualiti seperti, mengenali siapa pelanggan kita, memahami keperluan dan kehendak pelanggan dan bagaimana mengendalikan situasi sukar terutama ketika menangani aduan. Hampir kesemua peserta yang mengikuti kursus kali ini telah menunjukkan minat yang mendalam terhadap topik yang dibincangkan.

InsyaAllah, Unit Perhubungan Korporat & Latihan akan berusaha untuk menganjurkan kursus-kursus yang bersesuaian dan berkaitan dengan bidang tugas anggota pada masa akan datang untuk kepentingan bersama.





## KOPERASI PKINK DINILAI BAGI ANUGERAH KUALITI PERDANA MENTERI

Koperasi PKINK Berhad yang dianggotai seramai 1,059 orang ahli buat pertama kali mereka dicalonkan bagi merebut Anugerah Kualiti Perdana Menteri Sektor Sosio Ekonomi 2003. Setelah melalui proses saringan berdasarkan laporan dan prestasi sebenar yang dicapai bagi tahun yang dinilai, Koperasi PKINK Berhad telah disenaraikan pendek untuk penilaian peringkat akhir bersama-sama dengan tujuh finalis terbaik dari seluruh negara.

Pada 6 Jamadil Akhir 1424 bersamaan dengan 4 Ogos 2003, Panel Penilai Anugerah Kualiti Perdana Menteri yang dianggotai seramai empat belas orang ahli diketuai oleh Ybhg. Datuk Othman Baba, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi telah mengadakan lawatan ke Koperasi PKINK. Lawatan Panel Penilai tersebut adalah bertujuan untuk penilaian dan pemarkahan yang merangkumi taklimat mengenai aktiviti-aktiviti yang dijalankan, pencapaian prestasi, perancangan masa depan. Tidak ketinggalan ialah lawatan dan tinjauan fizikal ke beberapa projek yang telah dijalankan seperti Kelmix di Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa, Kedai Buku Rythem di Jalan Kebun Sultan, Projek Perumahan Tamian Koperasi, Panji, Hiasan Dalaman Hospital Pakar Perdana, Kelas

Komputer dan Kelas Tuisyen. Memandangkan anugerah ini bukannya calang-calang anugerah malah menjadi impian semua pihak untuk meraihnya, pihak Koperasi PKINK telah membuat persediaan yang cukup rapi. Namun begitu pihak Koperasi tetap akur bahawa kalah atau menang sudah menjadi adat pertandingan. Terselepas dikalangan tujuh finalis melalui pencalonan pertama cukup memadai dan sekiranya terpilih untuk meraih anugerah tersebut iaanya akan menjadi lebih bermakna lagi.

\*\*\*\*kebijakan anggota sentiasa diutamakan\*\*\*\*



## LAWATAN KORPORAT MAJLIS EKSEKUTIF PKINK KE KILANG TERANG NUSA SDN. BHD.

Majlis Eksekutif PKINK telah meneruskan siri lawatan korporat ke Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa II sebagaimana yang dilakukan pada tahun lepas. Pada 26 Ogos 2003, jam 10.30 pagi rombongan Majlis Eksekutif telah melakukan lawatan ke Kilang Terang Nusa Sdn. Bhd. Lawatan tersebut yang diketuai oleh Tuan Hj. Hanifa Ahmad selaku Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK juga disertai beberapa orang pegawai dan kakitangan Bahagian Galakan Industri & IKS.

Taklimat telah diberikan oleh En. Low Chin Guan, Pengarah Urusan Terang Nusa Sdn. Bhd. Syarikat tersebut telah ditubuhkan pada tahun 1987 pernah menyewa kilang sijabrina milik PKINK selama 6 tahun sebelum membina kilang sendiri pada tahun 1996 diatas tapak seluas 5.78 ekar yang dibeli daripada PKINK.

Syarikat Terang Nusa Sdn. Bhd. yang mempunyai 800 pekerja merupakan pengeluar terbesar di Malaysia bagi 'surgical and examination gloves'. Ia mengeluarkan 70 juta pasang sarung tangan sebulan dimana 60% untuk pasaran dalam negara dan 40% dieksport ke luar negara.

Rombongan Majlis Eksekutif juga telah dibawa melawat ke sekitar kilang serta diberi penerangan oleh pegawai-pegawai Terang Nusa Sdn. Bhd. bagaimana proses membuat sarung tangan dijalankan oleh mereka. Lawatan tamat pada jam 12.30 tengahari.



Sebahagian daripada produk yang dikehendaki oleh Kilang Terang Nusa

# PKINK SERTAI SAUDI FOOD 2003 DI RIYADH, ARAB SAUDI

*Kumpulan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan Kerajaan Negeri Kelantan telah dijemput oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) untuk menyertai pameran 'Saudi Food 2003' bertempat di Riyadh Exhibition Center, Riyadh Arab Saudi dari 14 – 18 September 2003.*

Pameran tersebut telah disertai oleh 20 negara dimana Malaysia telah diwakili oleh 15 buah syarikat pemakanan termasuk Kerajaan Negeri Kelantan melalui Kumpulan PKINK yang dianggotai oleh seramai 8 orang ahli terdiri daripada Exco Kerajaan, Anggota Pengurusan dan pegawai-pegawai.

Penyertaan Kerajaan Negeri dan Kumpulan PKINK ke pameran tersebut yang julung kali diadakan adalah bertujuan untuk memasarkan produk-produk makanan keluaran Murni Marketing Sdn. Bhd. salah sebuah syarikat anak dalam Kumpulan PKINK dan produk keluaran FAMA ke negara-negara Arab. Murni Marketing akan menjadi pengedar tunggal bagi memasarkan produk-produk tersebut di negara-negara Arab.

Melalui pameran tersebut, agen-agen pengedar yang berpotensi dan berwibawa untuk memasarkan produk ke Arab Saudi dan negara-negara sekitar telah dapat dikenalpasti. Menggunakan pendekatan dan konsep pasaran yang mengutamakan 'PRODUK HALAL KELUARAN KELANTAN, MALAYSIA' dimana mesej yang ingin disampaikan kepada pengunjung pameran tersebut ialah pengeluaran produk makanan dari Kelantan dijamin 'HALAL' sepenuhnya dan diiktiraf oleh Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM). Pendekatan ini amat penting dalam konteks menarik minat pengedar/pengimpor di sana kerana sebelum ini mereka banyak mendapatkan produk makanan dari Thailand dan China yang bukannya negara Islam. Hasilnya tidaklah menggecewakan dimana produk keluaran Kelantan telah benar-benar menarik minat pengedar/pengimpor makanan di sana.

Produk makanan yang diperkenalkan untuk mendapatkan pasaran di sana ialah Rambutan stuffed with pineapple in syrup, Rambutan stuffed in syrup, Papaya Chilly Sauce, Cordial Roselle, Kicap Lemak Manis (Sweet Soya Sauce), Sardine, Seri Kaya Madu (Honey Jam), Jem Roselle, Guava, Pineapple & Starfruit, Floss Chicken, Beef & Chicken Curry Powder, Coffee Mixture Anggerik, Mee Hoon, Mee Bandung, Kensis (Coconut Paste), Bawang Goreng (Fried Onion), Jackfruit Chips, Jus Mengkudu (Noni Juice).

Penyertaan Kerajaan Negeri Kelantan / Kumpulan PKINK pada kali ini dirasakan amat berjaya bagi tujuan memasarkan produk makanan ke luar negara berlepasan



*Pengunjung Pameran sedang mencuba minuman Cordial Roselle*



*Tuan Hj Hanifa Ahmad dan En Mohamad Naim Mampt sedang sibuk merayapkan gerai pameran PKINK*

dengan hasrat Kerajaan

Negeri Kelantan untuk menjadi salah sebuah negeri pengeluar makanan halal yang terbesar. Sepanjang 5 hari (14 – 18 September) pameran tersebut berlangsung, seramai 25 pengimport / pengedar telah berminat untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai produk-produk yang ditawarkan.

Kesimpulan atau intipati serta pengalaman yang dapat diperolehi melalui pameran tersebut dan perlu diberi perhatian ialah :-

- Untuk berjaya memasarkan produk-produk keluaran kita di sana perlulah ada lawatan dan perbincangan susulan. Ahli-ahli perniagaan di sana lebih mementingkan hubungan 'personal'. Oleh itu hubungan hendaklah terus diadakan untuk mendapat kepercayaan mereka.
- Murni Marketing sebagai syarikat pengeluar produk makanan dalam Kumpulan PKINK mestilah dinaik taraf supaya ianya mampu mencapai piawaian yang munasabah untuk mengeluarkan produk bagi tujuan eksport. Bagi mencapai matlamat tersebut, PKINK sendiri hendaklah bersedia untuk menyuntik modal kepada syarikat berkenaan.
- Negeri Kelantan / Malaysia mempunyai kelebihan daripada negara-negara pengekspor lain dari kacamata negara Arab kerana kita sudah pun dikenali sebagai sebuah negara Islam yang maju dan membangun. Kelebihan inilah yang perlu di 'capitalise' untuk kepentingan Negeri Kelantan.



*Kunjungan dartz pada En. Anuar Kassim, Timbalan Ketua Pengarah Misi Kedutaan Malaysia*

# MISI PELABURAN ROMBONGAN PKINK / KERAJAAN NEGERI KELANTAN KE DUBAI, EMIRIAH ARAB BERSATU.

Kumpulan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan Kerajaan Negeri Kelantan telah dijemput oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) untuk menyertai pameran 'Saudi Food 2003' di Riyadh, Arab Saudi. Sempena dengan jemputan ini rombongan tiba membuat keputusan untuk mengadakan misi pelaburan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu.

Misi pelaburan di Dubai bermula pada 16 - 21 September 2003. Tujuan PKINK / Kerajaan Negeri Kelantan mengadakan misi pelaburan ini adalah untuk -

1. Meninjau peluang pembiagaan / usahasama dalam bidang pelaburan, pembiagaan dan pendidikan.
2. Memperkenalkan negeri Kelantan sebagai destinasi pelaburan di samping menawarkan beberapa projek pembangunan di Negeri Kelantan seperti :-



YABrs Ketua Eksekutif sedang memberi taklimat mengenai peluang pelaburan di Kelantan kepada para pelabur Dubai



Rombongan bergambar kenangan dengan Pengarah Urusan Dewan Permaianan Dubai, Hj. Abdul Rahman G. Al Mutawee dan Ahli-ahli Dewan



YABrs Ketua Eksekutif menyampaikan cenderahati kepada Tokoh Korporat Tuan Hj Saeed Ahmed Lootah selepas mengadakan perbincangan dengannya.



YABrs Ketua Eksekutif mengetuai 'Business Meeting' dengan Ahli Permaianan Dubai

- i. Pembangunan Tanah Tok Lukut.
  - ii. Taman Marin & Bandar Baru Tok Bali
  - iii. Pendidikan Institut Teknologi Darulhaim (ITD)
  - iv. Menjual & Memasarkan kayu keluaran Kompleks Perkayuan Kelantan (KPK).
  - v. Memasarkan produk-produk makanan halal keluaran Mumi Marketing Sdn. Bhd.
3. Membentuk jaringan persefahaman dengan agensi kerajaan tempatan Dubai.

Bagi tujuan memperkenalkan Kelantan, beberapa siri pertemuan telah diatur dengan beberapa agensi kerajaan dan perseorangan di Dubai. Siri pertemuan ini adalah langkah pertama di dalam membentuk 'networking' peringkat kerajaan. Siri pertemuan tersebut adalah seperti di berikut -

- i. Pertemuan dengan Ali Ibrahim Mohamed, Timbalan Ketua Pengarah DED di pejabat Dubai Economic Department (DED).
- ii. Pertemuan dengan Abdul Rahman Al-Mutawee, Ketua Pengarah DCCI di pejabat Dubai Chamber Of Commerce & Industry (DCCI)
- iii. Pertemuan dengan tokoh korporat Emiriah Arab Bersatu iaitu Haji Saeed Ahmed Lootah
- iv. Melawat Gulf Craft Industri iaitu syarikat pembuatan kapal mewah terbesar di dunia Arab.
- v. Pertemuan individu dan sesi presentasi dengan ahli pembiagaan, pelabur dan pengimport Dubai di Bilik Mesyuarat Majlis Al-Khor & Al Dana, Hotel Riviera

Penyertaan PKINK / Kerajaan Negeri Kelantan yang julung kali ini dirasakan amat berjaya bagi tujuan memperkenalkan Kelantan sebagai sebuah negeri Islam yang sesuai untuk pelaburan, pendidikan, hub makanan halal dan pelancongan.



YABrs Ketua Eksekutif semasa melawat sekolah yang diwaran oleh Tuan Saeed Ahmad Lootah

## **KEJOHANAN BADMINTON**

### **PIALA KEPUTERAAN 2003**

Kejohanan Badminton Piala Keputeraan KDYMM Al-Sultan Kelantan dan DYMM Raja Perempuan Kelantan telah diadakan pada 20 – 23 Ogos 2003. Kejohanan pada kali ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dimana sebanyak 31 pasukan dari agensi-agensi kerajaan dan swasta di negeri Kelantan dan pasukan jemputan telah menyertainya. Pasukan PKINK yang turut menyertai kejohanan ini telah diundi bersama-sama dengan pasukan dari Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP), Jabatan Kesihatan dan Polis Diraja Malaysia (PDRM Kelantan) dalam Kumpulan F.



Pasukan PKINK telah muncul Johan Kumpulan F dengan mengalahkan Pasukan PDRM(Kelantan) 3-2, Pasukan JPP 4-1 dan Pasukan Kesihatan 3-2. Pada Pusingan Kedua Pasukan PKINK telah kecundang di tangan Pasukan Majlis Daerah Bachok 1-3.



Keputusan Akhir Kejohanan adalah sebagai berikut:-

Johan	:	Pasukan KDYMM Al-Sultan
N. Johan	:	Pasukan Kerabat Kelantan
Ketiga	:	Pasukan Jabatan Pendidikan
Keempat	:	Pasukan Mahkamah

\*\*\*kemenangan dan kekalahan adalah satu putaran dan akan berulang-ulang, don't give-up\*\*\*



## **PESTA SUKAN BERKUDA**

Dalam kehidupan manusia, sukan dan riadah merupakan salah satu keperluan bagi menjaga kesihatan sama ada kesihatan jasmani mahu pun rohani. Islam sebagai Ad-Din kepada manusia tidak pernah menghalang malah sentiasa menggalakkan umatnya supaya... melakukan aktiviti tersebut. Selain daripada meningkatkan tahap kesihatan dan kecerdasan ianya juga merupakan saluran yang amat berkesan dalam mengukuhkan hubungan silaturahim sesama kita.

Pada 12 Jamadil Akhir 1424 bersamaan dengan 12 Julai 2003, Pesta Sukan Berkuda Rakan Muda Negeri Kelantan 2003 telah dianjurkan bersama oleh Persatuan Equestrian dan Jabatan Belia & Sukan Negeri Kelantan. PKINK turut menyumbang bagi menjayakan pesta tersebut dengan kegunaan tanah miliknya sebagai gelanggang pertandingan. Mewakili PKINK, YBrs. Tuan Hj. Wan Adnan b. Wan Ab. Kadir semasa berucap merasmikan pesta tersebut berkata, sukan berkuda seperti ini jika dilaksanakan mengikut prinsip-prinsip tertentu pasti akan memberi manfaat yang besar kepada generasi muda selaras dengan tema kejohanan tahun ini iaitu "Kearah Menjurus Generasi Muda Yang Sihat Dan Berjaya". Beliau menambah, sebagai sokongan yang berterusan bagi menjayakan program-program kesukuanan, PKINK akan terus membenarkan kegunaan tapak berkenaan sebagai gelanggang selagi projek pembangunan belum dilaksanakan.



## MESYUARAT AGONG TAHUNAN KOPERASI PKINK 2003

Mesyuarat Agong Tahunan Koperasi PKINK kali ke 22 telah diadakan pada 27 Rabiul Akhir 1424 bersamaan dengan 28 Jun 2003 bertempat di Dewan Bunga Tanjung Hotel Perdana, Kota Bharu. Setelah berjaya melangkah keluar dari kemelut kerugian dan mencatat keuntungan bersih yang cukup memberangsangkan, mesyuarat kali ini telah dihadiri hampir keseluruhan anggota. Selain eluan kehadiran secara tunai, cenderahati kepada anggota yang hadir turut disediakan....okay gitu kan?

YAbu. Ketua Eksekutif Kumpulan merangkap Penasihat Koperasi ketika berucap merasmikan mesyuarat agong tersebut menegaskan bahawa kejayaan yang dicapai oleh koperasi adalah hasil dari komitmen, kejuran dan keikhlasan semua pihak termasuk Lembaga Pengarah, Pengurusan dan sokongan padu keseluruhan anggota PKINK. Oleh itu kita hendaklah sentiasa menyumbang untuk meraih kejayaan yang lebih besar dan memanfaatkan kejayaan tersebut sebagai anugerah untuk dinikmati bersama. Dalam konteks untuk menambah keanggotaan, beliau menyarankan agar pihak Pengurusan Sumber Manusia sama ada di peringkat induk maupun syarikat-syarikat anak memastikan setiap anggota yang baru dilantik menjadi anggota koperasi secara automatik.

Pengundian turut diadakan pada mesyuarat kali ini bertujuan menggantikan Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang genap tempoh perkhidmatan mereka. Berikut adalah Lembaga Pengarah yang dilantik bagi sesi 2003/2004:-



Pengerusi	: Tn. Hj. Mohamad Alwi b. Ya
S/Usaha	: Pn. Hjh. Azizah bt. Daud
Bendahari	: Tn. Hj. Mohamad Razali Deraman
Ahli-Ahli	: En. Nik Azman b. Dato' Nik Mustapha Che Abdullah Mat Nawil Tn. Hj. Wan Abdul Rahman Wan Yaakob

Bagi merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti sepanjang sesi 2003/2004 beberapa Jawatan Kuasa Kecil telah dibentuk.

Jawatankuasa Pinjaman :  
Dipengerusikan oleh Tn. Hj. Mohamad Razali Deraman

Jawatankuasa Perhubungan Anggota :  
Dipengerusikan oleh Pn. Hjh. Azizah Daud

Jawatankuasa Pelaboran & Pembangunan:  
Dipengerusikan oleh Tn. Hj. Mohamad Alwi b. Ya

Jawatankuasa Hartanah:  
Dipengerusikan oleh Tn. Hj. Wan Abdul Rahman Wan Yaakob.

Sekalung tahniah buat mereka yang dilantik.  
Semoga kita sukses bersama.



## CERAMAH ISRAQ MIKRAJ DAN NISFU SYAABAN

PKINK dengan kerjasama Kelab Sukan & Kebajikan PKINK telah mengadakan ceramah Israq & Mikraj dan Nisfu Saaban pada hari Rabu, 27 Rejab 1424 bersamaan 24 September 2003 bertempat di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK. Ceramah telah disampaikan oleh YB. Ust. Zulkifli Yaacob, ADUN Guchil. Majlis bermula pada jam 11.30 pagi. Antara intipati ceramah adalah seperti berikut:-

- Peristiwa Israq & Mikraj yang memakan masa cepat dan pantas tidak dapat difikir dengan 'akal manusia kerana 'akal manusia tidak berupaya memikirnya. Sebaliknya ia hendaklah difikir dengan ilmu Allah dan fikir dengan keimanan.
- Ayat Al-Quran berkaitan peristiwa Israq & Mikraj ada menyebut: "Maha suci Tuhan yang telah memperjalankan hamba-Nya..." dapat dikiaskan kepada kita manusia sebagai hamba Allah. Sebagai hamba, manusia wajib menurut semua perintah-Nya tanpa apa-apa kajian lagi. Kajian hanya boleh dibuat ke arah kefahaman dan penjelasan, bukan kajian merungkai agama Islam.

- Segala apa jua masalah di dunia ini termasuk masalah gejala sosial hendaklah di atasi dengan panduan daripada ayat-ayat Allah kerana semua karenah yang berlaku di atas muka bumi ini adalah dalam kefahaman dan pengetahuan Allah jua.



Majlis tamat pada jam 12.30 tengah hari.

# MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN SIJIL KURSUS PENIAGA & PENIAGA KECIL BAGI TAHUN 2003

Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK telah mengadakan majlis penutup dan penyampaian sijil kepada seramai 31 orang peserta bagi program peringkat pertama tahun 2003, Latihan Penjaja & Peniaga Kecil Peringkat Negeri Kelantan pada 30 Julai 2003 yang lalu bertempat di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK.

Kursus tersebut merupakan siri kursus yang merangkumi 6 modul membolehkan peserta melengkapkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam pengurusan perniagaan terutama berkaitan dengan aspek pemasaran, pengeluaran, penyediaan rancangan perniagaan, perakaunan dan kewangan.

Akhir sesi kursus tersebut ialah modul 6 yang melibatkan kursus latihan asas komputer yang merangkumi pendedahan asas penggunaan teknologi maklumat dalam bidang perniagaan. Kesemua peserta telah menjalani latihan secara praktikal mengenai penggunaan ICT di makmal siber, Bahagian MIS PKINK dengan dikendalikan oleh pegawai Bahagian MIS PKINK, En. Ridzuan Sidek.

Disamping itu juga, dua sesi ceramah dan taklimat daripada agensi kerajaan iaitu MARA dan BSN telah diadakan bagi memberi pendedahan dan maklumat kepada peserta mengenai kemudahan pembiayaan dan pinjaman perniagaan yang disediakan oleh agensi tersebut. Sesi taklimat tersebut telah menarik perhatian peserta terutama



berkenaan dengan Skim Mikro Kredit BSN yang telah dilancarkan oleh kerajaan untuk membantu peniaga-peniaga kecil mengembangkan perniagaan mereka.

Majlis penutup kursus dan penyampaian sijil peserta telah disempurnakan oleh Timbalan Presiden Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia, En. Baharin Abd. Razak. Dalam ucapannya, beliau mengingatkan para peniaga agar meramalkan sebaik-baiknya ilmu yang telah diperolehi sepanjang mengikuti kursus dari modul 1 hingga selesai modul 6 dalam memastikan perniagaan maju dan berkembang sehingga mampu bersaing dengan bangsa-bangsa lain. Majlis penutup tersebut turut dihadiri oleh Pengurus Pembangunan

Usahawan PKINK,  
Penolong  
Setiausaha Agung  
Gabungan  
Persatuan Penjaja  
dan Peniaga Kecil  
Melayu Malaysia  
dan Presiden  
Persatuan Penjaja  
dan Peniaga Kecil  
Melayu Negeri  
Kelantan.



# DIARI SUKAN SEHINGGA SEPTEMBER 2003

Kesibukan menjalani hidup sehari-hari serta melaksanakan tugas-tugas rutin di pejabat tidaklah menjadi penghalang untuk menjalankan kegiatan sukan dan riadah. Aktiviti sukan untuk tahun 2003 turus bermula sebaik sahaja perancangan tahunan mendapat kelulusan. Kejohanan tahunan telah dimulakan dengan acara-acara sukan sebagaimana berikut:-

KEJOHANAN	TARIKH	TEMPAT
Bolatampar Lelaki	9 – 10 Jun 2003 (Isrin-Selasa)	Dewan Bolatampar MSSK, Wakaf Mek Zainab
Bolatampar Wanita	14 Jun 2003 (Sabtu)	Dewan Bolatampar MSSK, Wakaf Mek Zainab
Tenis Berpasukan	4 Julai 2003 (Jumaat)	Gelanggang Tenis Kompleks Sukan Perdana
Tenis Bergu	12 Julai 2003 (Sabtu)	Gelanggang Tenis Kompleks Sukan Perdana
Boling Individu	12 Julai 2003	Perdana Superbowl Kompleks Sukan Perdana
Boling Berpasukan	26 Julai 2003	Perdana Superbowl Kompleks Sukan Perdana
Kejohanan Boling Liga	9, 16 & 23 Ogos	Perdana Superbowl Kompleks Sukan Perdana

Lain-lain acara sukan yang dirancang sepanjang bulan September ialah :-

1. Kejohanan Putting Golf pada pertengahan September bertempat di Perdana Resort.
2. Kejohanan Bolajaring pada pertengahan September bertempat di Perdana Resort.
3. Kejohanan Bolasepak 5 Sebelah pada akhir September.
4. Kejohanan Tenis Piala Pengurus Besar Kelkon Sdn. Bhd. pada akhir September.

\*\*\*Kepada semua anggota PKINK diucapkan selamat bertanding, pergiatkan sukan untuk silaturrahim\*\*\*



Perdana Resort Pantai Cahaya Bulan telah mengambil inisiatif mengadakan satu bengkel yang bertajuk 'Customer Service & Customer Relation' pada 22-23 Jun 2003. Bengkel ini yang dikendalikan oleh En. Megat Yusof Sharif dari e-Class.Com. (M) Sdn. Bhd. Bengkel tersebut telah dihadiri seramai 30 orang peserta pelbagai peringkat dari syarikat-syarikat anak dalam kumpulan PKINK. PKINK telah menghantar enam orang wakil yang terdiri daripada anggota-anggota kumpulan C & D iaitu :-

1. En. Mohd Noor Mat Yaman  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
2. Pn. Zakiah Mohamed  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
3. Puan Norlela Abdullah  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
4. Cik Wan Zuwalbah Wan Isa  
Bahagian Pejabat Ketua Eksekutif
5. Tuan Seman Ku Muda  
Bahagian Pejabat Ketua Eksekutif
6. Encik Azman Hassan  
Bahagian Pejabat Ketua Eksekutif

## CUSTOMER SERVICE & CUSTOMER RELATIONS WORKSHOP

Objektif bengkel adalah seperti berikut :-

1. Memberi kaedah baru untuk para anggota mengenalpasti bagaimana mereka mampu berdaya saing di alaf baru.
2. Mengenalpasti cara-cara yang berkesan untuk memberi layanan yang positif kepada pelanggan.
3. Memahami konsep 'Customer Service & Customer Relation' di tempat kerja.
4. Memberi 'Quality Customer Satisfaction' melalui perhubungan dan komunikasi yang berkesan bersama pelanggan.
5. Teknik komunikasi melalui telefon yang berkesan.
6. Mengurus masalah pelanggan dengan cara terbaik melalui layanan yang mesra, jujur dan amanah.
7. Memotivasi diri sebagai warga kerja yang cemerlang di alaf baru.

Kesemua modul yang telah dirangka dan didedahkan secara langsung kepada para peserta diharap dapat menjadi pemangkin dalam memperlengkapkan anggota untuk berkerja secara rasional dan kreatif bagi menghadapi cabaran di alaf baru dengan mempraktikkan teknik-teknik komunikasi yang berkesan.



Pihak pengurusan berharap, program ini dapat memperlengkap dan memperkemas diri peserta bagi menangani karenah pelanggan terutamanya pelanggan yang 'demanding' secara lebih berkesan.

## *Sambutan Hari Wanita* Peringkat Negeri Kelantan

Sambutan Hari Wanita telah diadakan setiap tahun baik di peringkat negara maupun di peringkat negeri. Kerajaan Negeri Kelantan juga tidak ketinggalan dan telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri Kelantan pada 21 Rejab 1424 / 18 September 2003 bertempat di Dewan Besar Balai Islam, Lundang. Majlis anjuran Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKN) ini yang bertemakan "Ilmu Teras Kecemerlangan Wanita" dirasmikan oleh YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang diperdengarkan oleh pelajar sekolah Maahad Muhammadi (P) diikuti dengan ucapan aluan oleh YB Tuan Haji Abdullah Ya'kub selaku



Negeri terhadap kebajikan wanita Negeri Kelantan dimana lebih banyak program yang melibatkan wanita akan diadakan terutamanya yang membabitkan golongan ular @ ibu tunggal. Sumbangan kewangan sebanyak RM1.2 juta (InsyaAllah akan bertambah kepada RM1.5 juta di tahun hadapan) telah diperuntukkan untuk program membasmi kemiskinan dan jaya diri golongan tersebut. Intipati keduanya ialah untuk melantik penghulu wanita untuk setiap DUN yang juga akan bermula pada tahun hadapan.



Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Wanita, Belia, Sukan dan Hal Ehwal Pengguna Kerajaan Negeri Kelantan. Dua perkara pokok yang dipetik dari ucapan aluan YB ini ialah tentang keprihatinan Kerajaan

YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar pula dalam ucapan perasmianya mengingatkan tentang betapa perlunya kaum Hawa berasa syukur kerana kehadiran sinar Islam telah sekaligus mengangkat darjah wanita berbanding semasa Perang Dunia I dan II dimana wanita telah dijadikan hambe di kilang-kilang yang telah menimbulkan kemerl permasalahan yang sangat ketara.

Majlis yang diadakan selama seharian diisi dengan segmen deklarasi sajak dan pentomin bertajuk "Kita Wanita Jangan Jadi Seperti Kelakut" yang dipersembahkan oleh Grup Teater Institut Teknologi Darulhaim, khidmat kesihatan dan kecantikan, ceramah motivasi dan cabutan bertuah. Permata kepada majlis kali ini ialah pertandingan gubahan kek icing antara jabatan. 10 orang peserta telah mengambil bahagian dan peserta PKINK Puan Wan Ramli Wan Deraman telah dianugerahkan tempat ketiga dan telah menerima hadiah yang disampaikan oleh YABhg Datin Hajah Tuan Sabariah Tuan Ishak.

## **KARNIVAL SAINS DAN TEKNOLOGI NEGERI KELANTAN 2003**

Sempena Program Penggalakan Sains dan Teknologi Negeri Kelantan 2003 pada tahun ini, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah turut serta dalam Karnival Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang telah diadakan di Balai Islam, Kota Bharu pada 24 – 27 Julai yang lalu. Sebanyak 56 peserta dikalangan agensi-agensi kerajaan, badan-badan berkanun, syarikat-syarikat swasta dan pusat pengajian tinggi telah turut mengambil bahagian dalam karnival tersebut yang berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 10.00 malam.

Program tersebut merupakan program tahunan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pentingnya sains dan teknologi dalam proses pembangunan negara disamping mengiktiraf dan menghargai pencapaian serta sumbangan saintis penyelidikan, tenaga pelajar,



wartawan, kakitangan sokongan sains dan teknologi, badan-badan bukan kerajaan dan sektor swasta kepada kemajuan sains dan teknologi. Ia juga diharap dapat menggalak dan mendorong lebih ramai pelajar meneruskan pendidikan dan memilih kerjaya dalam bidang sains dan teknologi.

Majlis perasmian karnival kali ini telah disempurnakan oleh YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan manakala majlis penutup telah disempurnakan oleh YBM. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.

INSTITUT TEKNOLOGI DARULNAIM ADAKAN

# Majlis Graduasi Kali Ketiga

**M**enamatkan pengajian sebagai seorang graduan dengan memiliki segulung ijazah atau diploma merupakan hasrat dan cita-cita bagi setiap pelajar. Tanggal 27 Jamadil Awal 1424 bersamaan dengan 27 Julai 2003, Institut Teknologi Darulnaim salah sebuah syarikat anak dalam Kumpulan PKINK yang menceburii bidang pendidikan tinggi telah mengadakan Majlis Graduasi Kali Ke Tiga. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YAB. Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz b. Nik Mat, Menteri Besar Kelantan yang kemudiannya telah menyampaikan diploma dan sijil kepada 350 orang graduan ITD yang telah menamatkan pengajian mereka dengan jayanya.

Ketua Eksekutif ITD, Prof. Madya Dr. Hj. Abdullah Sudin Abd. Rahman dalam ucapan alu-aluannya berkata pendidikan merupakan salah satu industri yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Walau bagaimanapun dalam menghadapi senario ekonomi yang tidak menentu adalah sukar bagi ITD untuk menjalankan aktiviti tanpa sokongan dan bantuan dari pihak-pihak tertentu terutamanya PKINK, PKB dan Jabatan Pendidikan. Pada kesempatan ini beliau merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan bantuan sehingga ITD mampu meraih kejayaan sebagaimana hari ini.

YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar dalam ucapan perasmianya telah mengimbas kembali pencapaian Islam dalam bidang keilmuan pada masa silam dan kehendak Islam yang sentiasa mendorong umatnya supaya menuntut ilmu hingga ke tahap yang paling tinggi. Beliau juga berharap agar kita semua sama-sama memainkan peranan yang sewajarnya dalam menyemarakkan lagi kecintaan kita kepada ilmu. Peranan ini dengan secara langsung akan mempertingkatkan mutu pendidikan di negeri ini. Masyarakat berilmu hendaklah dikaitkan dengan sifat-sifat Ubudiyah,



iaitu semakin tinggi ilmu maknanya tinggila sifat taqwa seseorang, ianya selaras dengan Misi, Visi dan Motto ITD iaitu 'Profesional, Berketrampilan dan Beretika'.

Majlis graduasi kali ini diakhiri dengan penyampaian Anugerah Tokoh Graduan yang telah dimenangi oleh Noor Intan binti Ismail dari Jurusan Sains & Pendidikan.

\*\*\*Syabas kepada semua yang berjaya\*\*\*

